

# **TAWARAN OPSYEN SEMULA KEPADA ANGGOTA YANG TELAH MEMILIH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

## **Soalan-Soalan Lazim Sesi Soal Jawab Taklimat PP Bil. 19/2008 & PP 1/2009**

### **SOALAN 1:**

Apakah implikasi bagi seseorang anggota yang layak tetapi tidak membuat opsyen semula atau tidak menghantar borang opsyen tersebut atau menghantar borang tanpa membuat pilihan?

### **JAWAPAN:**

Anggota yang tidak membuat opsyen semula atau tidak menyerahkan Borang Opsyen Semula dalam tempoh opsyen (dari 1 Januari 2009 sehingga sebelum 1 Februari 2009) atau yang membuat opsyen dengan bantahan atau syarat tambahan **disifatkan kekal di bawah Skim KWSP**.

### **SOALAN 2:**

Bilakah seseorang anggota boleh membuat pengeluaran wang KSWP selepas melakukan opsyen semula dari Skim KWSP ke Skim Pencen tersebut?

### **JAWAPAN:**

Anggota boleh membuat pengeluaran caruman KWSP selepas mendapat taraf anggota berpencen melalui Pemberian Taraf Berpencen.

### **SOALAN 3:**

Siapakah yang akan memberikan Pemberian Taraf Berpencen?

### **JAWAPAN:**

Pemberian Taraf Berpencen diberi oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) masing-masing [bagi anggota perkhidmatan awam] atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam [bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan] selepas anggota disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai sekurang-kurangnya **3 tahun** tempoh perkhidmatan.

### **SOALAN 4:**

Berapa lama masa yang perlu ditunggu oleh anggota untuk memperolehi wang KWSP beliau selepas Pemberian Taraf Berpencen diberikan?

**JAWAPAN:**

Anggota boleh membuat pengeluaran caruman syer pekerja melalui Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen ke KWSP selepas Pemberian Taraf Berpencen diberikan. Masa yang diperlukan untuk memperolehi caruman anggota tertakluk kepada pihak KWSP.

**SOALAN 5:**

Adakah Borang Opsyen Semula tersebut perlu dihantar oleh anggota kepada JPA?

**JAWAPAN:**

a) Borang Opsyen Semula tidak perlu dihantar kepada JPA. Sebaliknya, borang tersebut perlu disimpan oleh Ketua Jabatan di dalam fail peribadi anggota masing-masing serta pilihan opsyen tersebut perlu dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

b) Bagi Perkhidmatan Badan Berkanun Dan Pihak Berkuasa Tempatan, Borang Opsyen Semula perlu dihantar ke JPA bersekali dengan Borang Perakuan Permohonan Pemberian Taraf Berpencen. Ini adalah bagi urusan Pemberian Taraf Berpencen oleh JPA (bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam).

**SOALAN 6:**

Anggota telah mengeluarkan sebahagian wang KWSP di bawah skim pengeluaran KWSP sedia ada. Apakah cara bagi anggota untuk mengetahui jika beliau telah terambil amaun syer Kerajaan/majikan semasa pengeluaran tersebut dan jumlahnya?

**JAWAPAN:**

Anggota boleh mengetahui maklumat tersebut:-

- a) semasa permohonan pengeluaran caruman syer anggota di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen (selepas anggota mendapat Pemberian Taraf Berpencen).
- b) Melalui Penyata KWSP 1036/1036A (Penyata Pelepasan Caruman Kerajaan) yang dikeluarkan oleh pihak KWSP sejurus sebelum anggota bersara.

**SOALAN 7:**

Bolehkah anggota yang memilih Skim Pencen di bawah opsyen semula ini ingin terus mencarum kepada pihak KWSP?

**JAWAPAN:**

Boleh. Anggota yang telah memilih Skim Pencen di bawah opsyen semula ini boleh terus mencarum kepada pihak KWSP dengan membuat permohonan kepada pihak KWSP.

### SOALAN 8:

Adakah pasangan kepada anggota yang memilih Skim Pencen di bawah opsyen semula ini layak menerima faedah perubatan?

### JAWAPAN:

Anggota yang telah memilih Skim Pencen di bawah opsyen semula ini adalah layak mendapat faedah persaraan di bawah undang-undang pencen yang sedang berkuat kuasa pada masa kini. Ini termasuklah faedah perubatan yang diberikan kepada pasangan anggota.


### SOALAN 9:

Adakah anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatan perlu ditawarkan opsyen semula di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 ini?


### JAWAPAN:

- a) Anggota yang belum memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan adalah **tidak layak** diberi opsyen di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008. Anggota tersebut akan diberi opsyen di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2001 apabila telah memenuhi syarat untuk disahkan.
- b) Anggota telah memenuhi syarat pengesahan dan sedang dalam tindakan untuk disahkan dalam perkhidmatan layak diberi opsyen semula di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008.
- c) Anggota yang dahulunya disahkan dalam perkhidmatan pertama, kemudiannya dilantik tetapi belum disahkan dalam perkhidmatan kedua adalah layak ditawarkan opsyen semula. Walau bagaimanapun, jika anggota hanya meletak jawatan sahaja tanpa ada pelepasan dengan izin, maka perkhidmatan anggota adalah terputus dan tidak layak ditawarkan opsyen semula.


### Contoh 1:



### Contoh 2:



### Contoh 3:



### SOALAN 10:

Anggota telah memilih Skim KWSP semasa lantikan pertama dan lantikan kedua beliau. Beliau telah mendapat pelepasan jawatan dengan izin untuk lantikan kedua tersebut. Di bawah opsyen semula ini, beliau telah memilih untuk Skim Pencen. Adakah tempoh perkhidmatan pertama tersebut boleh diagregetkan untuk tujuan pengiraan faedah persaraan?

### JAWAPAN:

Oleh kerana anggota telah mendapat pelepasan jawatan dengan izin daripada lantikan pertama beliau, maka tempoh perkhidmatan anggota tersebut boleh diagregetkan untuk tujuan faedah persaraan. Walau bagaimanapun, caruman majikan berserta faedah yang terakru sepanjang anggota berada di bawah Skim KWSP tersebut perlu dikembalikan kepada pihak Kerajaan.

### SOALAN 11:

Adakah anggota yang telah membuat opsyen semula dengan memilih Skim Pencen layak menerima Pemberian Wang Tunai sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR)?

**JAWAPAN:**

Anggota tersebut layak diberi GCR.

Walau bagaimanapun, pengumpulan Cuti Rehat bagi tujuan GCR hanya boleh dibuat mulai 1 November 2004, iaitu tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2004 – Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai Yang Memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Cuti Rehat Khas boleh dikumpul bagi tujuan GCR mulai 1 Mac 2004, iaitu tarikh berkuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2005 – Cuti Rehat Khas dan Pengumpulannya Bagi Tujuan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

**SOALAN 12:**

Adakah pasangan kepada anggota yang meninggal dunia di bawah Skim KWSP layak menerima ganjaran terbitan?

**JAWAPAN:**

Ganjaran terbitan hanya layak diberi kepada anggota yang memilih Skim Pencen.

**SOALAN 13:**

Adakah selepas memilih Skim Pencen di bawah opsyen semula ini, bayaran kemudahan perubatan akan ditolak daripada ganjaran?

**JAWAPAN:**

Tidak. Bayaran kemudahan perubatan tidak ditolak daripada ganjaran yang diterima.

**SOALAN 14:**

Siapakah yang akan menguruskan proses Pemberian Taraf Berpencen, dan bila caruman akan dihentikan?

**JAWAPAN:**

Ketua Jabatan adalah pihak yang bertanggungjawab menguruskan Pemberian Taraf Berpencen (PTB) bagi anggota di bawah jagaannya. Perakuan PTB kepada anggota yang memilih Skim Pencen di bawah opsyen semula ini hendaklah mengikut prosedur yang sedang berkuat kuasa. Borang Opsyen Semula anggota tersebut hendaklah dilampirkan semasa perakuan PTB dikemukakan kepada Pihak Berkuasa melantik (PBM). Tarikh kuat kuasa PTB tersebut tidak boleh lebih awal daripada 1 Februari 2009. Caruman KWSP akan dihentikan oleh pihak jabatan selepas PTB diberikan oleh PBM yang berkaitan.

**SOALAN 15:**

Kenapakah ganjaran tidak diberikan kepada anggota yang memilih Skim KWSP, sebaliknya diberikan kepada yang memilih Skim Pencen?

**JAWAPAN:**

Skim KWSP dan Skim Pencen adalah dua skim persaraan yang berbeza dan mempunyai faedah persaraan yang berlainan. Ganjaran adalah salah satu faedah persaraan di bawah Skim Pencen dan tidak ditawarkan di bawah Skim KWSP.

**SOALAN 16:**

Pegawai dilantik bertaraf sementara sebelum 12 April 1991 kemudian dilantik tetap selepas 12 April 1991. Adakah pegawai layak diberikan opsyen?

**JAWAPAN:**

Sekiranya pegawai dilantik di dalam skim perkhidmatan bertaraf sementara yang dibayar gaji sebelum 12 April 1991, beliau layak ditawarkan opsyen di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009. Berdasarkan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 menyatakan bahawa tempoh perkhidmatan sementara boleh dimasukira bagi maksud pencen, ganjaran atau lain-lain faedah.

**SOALAN 17:**

Pegawai telah berkhidmat secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan di agensi Kerajaan lain sebelum 12 April 1991 di bawah Skim KWSP. Pegawai kemudian dilantik ke perkhidmatan universiti selepas 12 April 1991 dengan diluluskan peletakan jawatan dan diberi pelepasan jawatan dengan izin dari agensi sebelumnya. Pegawai telah disahkan dan terus tertakluk di bawah Skim KWSP. Adakah opsyen semula KWSP diberi berdasarkan tarikh lantikan di agensi sebelumnya atau bermula pada tarikh lantikan di universiti?

**JAWAPAN:**

Pegawai layak ditawarkan opsyen di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009. Dengan adanya pelepasan jawatan dengan izin yang diperolehi daripada jabatan terdahulu, tempoh perkhidmatan pegawai di agensi lama tersebut boleh diambil kira bagi maksud tujuan pengiraan faedah persaraan dengan syarat tiada tempoh perkhidmatan yang terputus. Walau bagaimanapun, jumlah KWSP caruman Kerajaan/majikan perlu dikembalikan berserta faedah terakru (iaitu tempoh dari tarikh lantikan pertama di agensi kerajaan lain sehingga ke tarikh Pemberian Taraf Berpencen diluluskan).